

29 SEP 2001

Mahathir-PAS

PAS CABAR UMNO ISYTIHAR MALAYSIA NEGARA ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS sebenarnya mahu rakan-rakan bukan Islam dalam Barisan Nasional menentang Umno di sebalik cabaran PAS supaya Umno mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

PAS berharap apabila diisytihar sebagai negara Islam, insiden seperti DAP menentang cadangan PAS untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam akan berlaku dalam BN, kata Perdana Menteri.

"Umno ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam. Jika Malaysia bukan negara Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud, maka dalam dunia ini tidak ada sebuah negara Islam," katanya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional ke-30 Parti Gerakan di sini.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno dan pengerusi BN, berkata beliau telah meminta PAS memberi penjelasan secara bertulis akan bentuk dan konsep negara Islam yang hendak didirikan olehnya.

"Apakah jawapan PAS? Mereka hanya akan menjelaskan jenis negara dan pemerintahan Islam selepas mereka menang. Ini menunjukkan mereka ingin menipu pengundi dengan mata tertutup," katanya.

Dr Mahathir berkata parti yang dikatakan berasaskan dan berjuang kerana agama Islam itu tidak sepatutnya cuba menipu lantas beliau meminta rakyat dan pengundi sama ada Islam atau bukan Islam supaya tidak harus percaya dengan PAS.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan kekal sebagai sebuah negara demokrasi dan rakyat berbilang kaum berhak menentukan siapa yang memerintah negara ini.

Kedaaan akan menjadi lebih buruk jika rakyat memilih parti yang disokong oleh kumpulan militan yang berpendapat demokrasi bukan sistem Islam dan mereka ini akan menubuhkan kerajaan yang dipimpin sekumpulan orang yang mendakwa diri mereka sebagai ulama yang memutuskan semua dasar dan undang-undang, katanya.

Oleh itu Dr Mahathir mengingatkan DAP supaya jangan main dengan api kerana "kawan" mereka, PAS, kurang percaya kepada demokrasi.

"Tindakan yang demokratik akan hapus jika kawan mereka memerintah. Diharap pemisahan DAP dari barisan tiruan bukanlah satu sandiwara," katanya.

Beliau berkata kini terdapat kira-kira 50 buah negara yang diterima dan diiktiraf sebagai negara Islam dan penyelidikan yang dibuat menunjukkan bahawa hampir kesemua negara Islam itu tidak dapat melaksanakan hukum hudud.

Dr Mahathir berkata walaupun orang Islam berkuasa di negara ini, kuasa yang dimiliki mereka bukan untuk menindas orang bukan Islam tetapi sebaliknya menentukan orang bukan Islam mendapat keadilan di negara ini.

Orang bukan Islam di negara ini pula tidak menentang sistem kerajaan yang ada, yang juga menjadi satu sistem yang diterima agama Islam, sebagai sesuai dengan negara Islam.

Jika Umno berkata Malaysia adalah negara Islam, ini kerana dalam negara Islam, orang bukan Islam mempunyai hak tertentu dan penganut lain bebas menganuti agama masing-masing.

"Tidak ada paksaan dalam Islam, dan Islam tidak suka kepada huru-hara yang mungkin berlaku jika undang-undang Islam cuba dikuatkuasakan ke atas orang bukan Islam," jelasnya.

Perdana Menteri berkata pembangkang cuba memainkan isu bangsa dan agama untuk menguji kesetiaan parti tertentu dalam BN dan isu sekolah Cina digunakan untuk memisahkan parti kaum Cina daripada kaum Melayu.

Katanya jika di negara ini tidak ada cara yang halal bagi menukar kerajaan, penggunaan kekerasan mungkin menjadi pilihan.

Tetapi di Malaysia yang demokratik ini, mengundi adalah mencukupi untuk menjatuhkan kerajaan dan mendirikan kerajaan lain seperti yang dapat dilihat parti lawan berjaya menawan dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu, katanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab kenapa pihak yang tidak puas hati perlu menggunakan kekerasan untuk merebut kuasa di negara ini serta mempersoalkan apakah rampasan kuasa melalui tindakan "pengganas" itu cara Islam?.

Beliau menegaskan bahawa Umno akan menentukan keganasan untuk merebut kuasa tidak akan berjaya di negara ini.

Pada sidang media selepas perasmian itu, Perdana Menteri berkata Malaysia telah lama menjadi sebuah negara Islam dan hakikat ini diperakui para ulama dan negara Islam yang lain.

"Dunia iktiraf kita (Malaysia) sebuah negara Islam. Dunia Arab pun akui yang kita ini adalah negara Islam contoh di mana tiada penindasan ke atas orang bukan Islam," katanya.

-- BERNAMA

DC MFJ RON